



# **MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

## **KENYATAAN TENDER (TAWARAN TERBUKA)**

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta bertaraf **Bumiputra** yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** (**Jika Berkaitan**) di bawah tajuk berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

<b>NO. TENDER</b>	<b>PERIHAL KERJA</b>	<b>HARGA DOKUMEN/ TARIKH MULAI DIJUAL</b>	<b>SYARAT PENDAFTARAN</b>
MBJB/K/ 13/2018	<p>Kerja-Kerja Pembaikan Pam No.2 Dan Pam No.4 Di Rumah Pam Sungai Air Molek Johor Bahru</p> <p>Tarikh Taklimat : 15.1.2018(Isnin) &amp; Lawatan Tapak</p> <p>Tempat : Bahagian Saliran &amp; Pengurusan Sungai Jabatan Kejuruteraan, Aras 1, Majlis Bandaraya Johor Bahru</p> <p>Jam : 9.30 pagi Tarikh Tutup Tender : 4.2.2018 (Ahad) Jam : 12.00 tengahari No. Fail : MBBJ/U/2017/09/PNY/S/20</p> <p><i>(Taklimat di pejabat dan lawatan tapak diwajibkan)</i></p>	<p>RM300.00</p> <p>15.1.2018 hingga 30.1.2018</p>	<p>CIDB Gred : G3 Kategori: ME Pengkhususan: M15</p> <p>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB DIBENARKAN HADIR KE TAKLIMAT DI PEJABAT</p>

2. Dokumen Meja Tender boleh disemak di **Bahagian Berkenaan** semasa waktu pejabat **mulai Tender ini diiklankan iaitu pada 4.1.2018 (Khamis)**. Untuk keterangan lanjut sila layari laman web MBBJ iaitu ***www.mbjb.gov.my***
3. Dokumen Tender boleh didapati semasa waktu pejabat di **Kaunter Setempat (No. 7), Aras Bawah, Jabatan Kewangan, Majlis Bandaraya Johor Bahru** mulai **tarikh yang ditetapkan di atas** .
4. Penender yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN menghadiri taklimat di pejabat** di Bahagian yang terlibat pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan di atas. Hanya **PENENDER (Penama dalam Sijil CIDB) SAHAJA DIBENARKAN hadir ke taklimat di pejabat DAN TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**. Sila bawa salinan Sijil Pendaftaran sebagaimana para 7 semasa taklimat di pejabat.
5. Penender **DIWAJIBKAN** untuk **mendaftar syarikat secara dalam talian** menggunakan sistem I-perolehan sebelum hari taklimat diadakan melalui laman sesawang ***https://apl.mbjb.gov.my/iperolehan***. Segala kesulitan yang dihadapi ketika hari taklimat akibat tidak mendaftar adalah di bawah tanggungan pihak penender sendiri. \*Sila abaikan syarat ini jika syarikat telah mendaftar\*
6. Penender yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki membuat bayaran secara Tunai atau Wang Pos di atas nama **DATUK BANDAR, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU** sebagai bayaran Dokumen Tender.
7. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa sijil-sijil **ASAL** berserta satu salinan setiap sijil semasa membeli dokumen tender sebagaimana berikut:
  - 7.1 Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB
  - 7.2 Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB dan Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK
  - 7.3 Sijil Virtual Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan Taraf Bumiputera (Jika Berkaitan)
  - 7.4 No. Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat MALAYSIA (SSM)
8. Dokumen Tender yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri serta ditulis No. Tender dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Unit Mesyuarat, Aras 1, Majlis Bandaraya Johor Bahru** sebelum jam **12.00 tengahari pada 4.2.2018(Ahad)**.

9. Dokumen Tender yang di hantar melalui pos biasa / pos laju hendaklah dialamatkan Ke **Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras Bawah, Majlis Bandaraya Johor Bahru** untuk dimasukkan di dalam Peti Tender sebelum **12.00 tengahari pada tarikh tutup** yang di tetapkan di atas.

10. Majlis tidak semestinya menerima tawaran yang terendah harganya atau sebarang tawaran yang lain.

**(HAJI AMRAN BIN A.RAHMAN)**

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Johor Bahru.

9/21/nz/bkjan tender 2015